

SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEMERHATI KAJICUACA KANAN TINGKAT II (C.1 EB.2)
JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEMERHATI KAJICUACA KANAN TINGKAT II
JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
C.1 EB.2 (\$1,280 - \$1,930 EB KHAS \$1,990 - \$2,230 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND)* atau sebanding dalam bidang Alam Sekitar / Matematik / Sains atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam sebagai Pemerhati Kajicuaca Tingkat I dalam tangga gaji D.4 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Peperiksaan Kelayakan Pemerhati Kajicuaca Kanan Tingkat II dan diakui sebagai '*WMO Meteorological Technician*'.
3. Berpengetahuan dan berkebolehan dalam mengendalikan kerja-kerja penyelenggaraan dan penentukuran peralatan konvensional kaji cuaca dan berkebolehan dalam mengendalikan tugas-tugas operasi di semua Bahagian.
4. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
5. Berpengetahuan dalam penggunaan perisian komputer.
6. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melapor diri kepada Pemerhati Kajicuaca Kanan Tingkat I;
2. Membantu mengawasi penyelenggaraan, pemeriksaan dan penukaran mudah peralatan konvensional kaji cuaca;
3. Membantu pengawalan mutu data-data kaji cuaca dan penyediaan statistik data kaji iklim;



4. Memastikan penghantaran dan penerimaan data-data dan maklumat kaji cuaca dalam keadaan sempurna dan lengkap;
5. Membantu memberi latihan kepada Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan mana-mana pihak yang memerlukan;
6. Membantu dalam penyeliaan operasi Bahagian di Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam;
7. Membantu dalam kerja-kerja ukur tapak kaji iklim atau stesen turunan hujan; dan
8. Membantu pemasangan peralatan konvensional kaji cuaca.